



SEKTOR R&D DAN MAKMAL-MAKMAL UJIAN (1/2)

Merangkumi

- Penyelidikan/Pengujian
- Perkhidmatan analitikal
- Audit
- Kerja Penyelenggaraan
- Kalibrasi

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap / Catatan

- Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- Institusi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Agensi, Jabatan dan Syarikat hanya boleh menambah baik protokol ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Waktu Beroperasi	24 jam	Waktu Kehadiran Pelanggan	8 pagi – 4 petang	Kapasiti Pekerja	100%
------------------	--------	---------------------------	-------------------	------------------	------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Protokol Pencegahan Penyakit & Sekatan	<ul style="list-style-type: none">• Institusi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Agensi, Jabatan dan Syarikat perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.
Saringan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none">• Menyediakan alat saringan suhu badan atau thermal scanner.• Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan Covid-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari.• Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis.
Laporan kesihatan	<ul style="list-style-type: none">• Pekerja yang mempunyai suhu badan $37.5^{\circ} \text{ celcius}$ ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.• Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat.• Majikan hendaklah membuat laporan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya mana-mana pekerja disyaki mempunyai simptom COVID-19



SEKTOR R&D DAN MAKMAL-MAKMAL UJIAN (2/2)

Merangkumi

- Penyelidikan/Pengujian
- Perkhidmatan analitikal
- Audit
- Kerja Penyelenggaraan
- Kalibrasi

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap / Catatan

- Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- Institusi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Agensi, Jabatan dan Syarikat hanya boleh menambah baik protokol ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Waktu Beroperasi	24 jam	Waktu Kehadiran Pelanggan	8 pagi – 4 petang	Kapasiti Pekerja	100%
------------------	--------	---------------------------	-------------------	------------------	------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pembasmian & Nyah Kuman Premis	Institusi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Agensi, Jabatan dan Syarikat perlu: <ul style="list-style-type: none">• memastikan proses sanitasi dan pembersihan dilaksanakan sebelum dan selepas aktiviti kerja sehari;• menyediakan hand sanitizer/disinfecting kits di pintu masuk, ruang makmal/kerja dan semua kawasan umum (<i>common area</i>).
Penjarakan sosial dan tatacara keselamatan kesihatan pekerja	<ul style="list-style-type: none">• Pemakaian face mask oleh setiap pekerja di ruang makmal/kerja dan semua kawasan umum (<i>common area</i>) adalah diwajibkan.• Memastikan garis panduan amalan terbaik sosial / penjarakan sosial disediakan seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dan dilaksanakan khususnya di ruang makmal/kerja.